



Headline: 'Macau Scam': Peniaga rugi hampir RM58,000  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)  
Date: 22 October 2018

Language: Malay  
Section: Tempatan  
Page: 2

## 'Macau Scam': Peniaga rugi hampir RM58,000

**SIBU:** Angkara mudah percaya dengan orang tidak dikenali, seorang peniaga kedai elektronik kerugian hampir RM58,000 selepas menjadi mangsa tipu 'Macau Scam.'

Ketua Polis Daerah Sibuan Stanley Jonathan Ringgit berkata mangsa yang berusia 36 tahun, menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai kesihatan dari Kuala Lumpur jam 1.16 petang, Khamis lalu.

Katanya pemanggil itu memaklumkan kepada mangsa bahawa nama mangsa digunakan oleh orang tidak dikenali bagi membeli sejenis ubat di Hospital Kuala Lumpur dan memintanya berhubung dengan seorang lelaki di tal-

ian 03-20311999 bagi membuat semakan lebih lanjut.

"Dalam perbualan mereka, mangsa diberitahu oleh lelaki terbabit nama mangsa juga terlibat dengan kes pengubahan wang haram dan meminta mangsa pergi ke bank dan bertindak menyekat pengeluaran wang dengan segera.

"Tanpa disedari, mangsa memindahkan wang sebanyak dua kali iaitu RM27,997.66 ke satu akaun bank dan RM29,998.66 ke satu lagi akaun berasingan.

"Selepas itu, mangsa menyedari dirinya ditipu sejumlah RM57,996.32," katanya.

Stanley berkata, mangsa diperdaya memasukkan wang kepada suspek yang

menyamar sebagai pegawai kesihatan.

Sementara itu, dalam kes berasingan seorang peniaga restoran mengalami kerugian RM9,850 selepas ditawarkan tender bekalan makanan tidak wujud.

Menurut beliau, mangsa yang berusia 60 tahun, didatangi dua lelaki di sebuah restoran di sini pada Khamis lalu.

"Seorang daripada suspek memperkenalkan diri sebagai 'Mat' telah menawarkan satu tender bekalan makanan untuk 50 pekerja pemasangan kabel elektrik selama tiga tahun," katanya.

Katanya mangsa bersetuju dan diminta membayar deposit serta satu surat perjanjian disediakan.

Keesokan harinya, mereka berjumpa semula dan mangsa diminta mengeluarkan wang bagi pembukaan akaun penerimaan wang tender.

Stanley berkata, mangsa menyerahkan sejumlah RM9,850 kepada 'Mat' sebelum dia dibawa ke sebuah bank di Jalan Tunku Osman di sini.

"Dua lelaki itu kemudian melarikan diri selepas mereka meminta mangsa masuk ke dalam bank," jelasnya.

Katanya, suspek memperdaya mangsa menyerahkan wang pembukaan akaun bagi satu tender katering yang tidak wujud.

"Kedua-dua kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu," katanya.